

**Bekas pemimpin dibidas TPM kerana kritik usaha kerajaan.**

**By Admin**

**Published on February 22, 2016**

**Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister**

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi membidas bekas sesetengah pemimpin kerana kritikan usaha kerajaan selama ini.

Bekas pemimpin itu menuduh kerajaan kerana pendirian tidak tetap apabila membuat sesuatu perubahan dasar selepas mendengar desakan suara rakyat.

Zahid Hamidi berkata, ada juga mereka semasa memegang jawatan dan kuasa dalam kerajaan mereka tidak melakukan apa-apa perubahan, tetapi apabila mereka sudah tidak memegang jawatan lagi mereka terus membidas tiap usaha gigih yang kerajaan lakukan.

Kata Ahmad Zahid lagi, pemimpin atau tokoh-tokoh ini juga semasa memiliki kuasa dalam kerajaan turut sensitif terhadap desakan ramai dan bertindak membuat perubahan dan pembaharuan bagi memenuhinya, namun apabila kerajaan sekarang melakukan, mereka sebaliknya menuduh kerajaan sebagai tidak tetap pendirian.

Tokoh ini ingat dialah orang yang pandai, dialah yang terbaik, terbagus. Zahid meminta tolong hormat kepimpinan sekarang, pegawai-pegawai yang ada sekarang. Zaman mereka telah berlalu. Orang macam ini seperti orang yang "gila talak" apabila ada jawatan tidak mahu buat, bila hilang jawatan barulah kata kerajaan tidak betul, padahal semasa mereka ada jawatan dulu, ia adalah disebabkan oleh sokongan pegawai-pegawai dan kakitangan akar umbi.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata dasar terbuka kerajaan di bawah ke pimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak kini menyebabkan Perdana Menteri dihujani dengan pelbagai kritikan.

Ahmad Zahid yang memuji media konvensional yang melaporkan setiap fakta yang tepat atas platform yang jelas turut juga membidas wartawan yang tiada platform sebenar, yang menulis ikut suka hati di media-media sosial.

Menurut Zahid, mereka ini melakukan analisis dengan niat sendiri, melakukan perancangan media, membuat fitnah berusaha membuat sesuatu imej yang amat negatif terhadap kerajaan, semata-mata untuk melakukan tindakan mencemarkan reputasi kerajaan.

**Blog at WordPress.com.**

Source: <http://zahidhamidi.com/2016/02/22/bekas-pemimpin-dibidas-tpm-kerana-kritik-usaha-kerajaan/>